

SIARAN AKHBAR

UNITED CAPS Membawa Mesej Kemapanan yang Kuat ke Interpack

Kini, semua loji di Eropah beroperasi dengan 100% tenaga boleh dibaharui, mengukuhkan cogan kata "BERSATU KITA TEGUH" syarikat serta membantu pelanggan memenuhi keperluan mereka hari ini tanpa menjejaskan masa akan datang.

Wiltz, Luxembourg, 03 Mei 2023 – UNITED CAPS yang merupakan pengeluar penutup antarabangsa, hari ini telah mengumumkan bahawa semua kilang di Eropah mereka kini beroperasi dengan 100% tenaga boleh dibaharui sebagai hasil perjanjian Pembelian Kuasa Korporat 10 tahun untuk tenaga yang dihasilkan di ladang angin Åliden kepunyaan Renantis yang sudah beroperasi di Sweden sejak tahun 2019.

"Di UNITED CAPS, kami komited untuk menjadikan dunia ini lebih baik daripada waktu kita menemukan dunia," kata CEO Benoit Henckes. "Mencapai operasi dengan 100% tenaga boleh dibaharui di loji Eropah kami hanya merupakan sebahagian daripada strategi kami. Kami juga ingin mencapai matlamat untuk menghasilkan sebanyak penutup yang boleh dengan plastik boleh dibaharui atau plastik dikitar semula dan sedang beroperasi dengan tenaga kerja yang gembira dan selamat untuk bekerja di bawah sebuah syarikat bebas karbon. Semua perkara ini merupakan matlamat yang tinggi dan kami amat gembira terhadap kemajuan yang sedang kami lakukan, iaitu untuk mengurangkan jejak karbon kami dan pelanggan kami. Di Interpack, kami tidak sabar untuk membincangkan pencapaian ini dengan pengunjung gerai kami dan juga berfikir cara untuk membantu mereka mencapai matlamat kemapanan mereka."

Henckes menyatakan bahawa strategi kemapanan syarikat telah menyasarkan pencapaian penggunaan 100% tenaga hijau menjelang tahun 2026 dan syarikat tersebut sedang menuju ke arah objektif ini buat masa ini. "Kami perlu melakukan lebih banyak kerja lagi," beliau tambah, "dan kami sedang menangani objektif tersebut dengan keghairahan, kepakaran dan usaha yang cemerlang daripada pasukan R&D kami. Hal ini juga telah membantu kami mencapai objektif kemapanan keseluruhan kami. Pada tahun 2020, di Eropah, kami telah mengeluarkan sebanyak 156,500 tan CO₂ merentasi Skop 1 dan 2; kami telah mengurangkan pelepasan gas tersebut kepada 138,832 tan pada tahun 2021, menunjukkan pengurangan pelepasan tahunan sebanyak 11.3%

Produk Mampan yang akan Dipamerkan di Interpack

Selain daripada perkongsian pencapaian tenaga UNITED CAP, syarikat juga akan menunjukkan inovasi lain yang berada dalam kategori kemapanan. Inovasi ini termasuk:

- Penutup berikat, termasuk 23 H-PAK baharu untuk pembungkusan karton yang menyertakan tali kalis usik (TE) inovatif yang menjamin keutuhan semua bahagian untuk mempermudah kitar semula, salah satu inovasi pertama bagi jenis produk yang sama dalam pasaran.

- Penutup Bump Mimica yang dahulunya dikenali sebagai MIMICA TOUCHCAP, sejenis penutup penunjuk kesegaran pintar yang inovatif yang direka bentuk untuk mengurangkan pembaziran makanan dan mengubah cara pemikiran orang tentang cara mereka boleh menentang pembaziran makanan secara aktif. Penutup Bump boleh memudahkan kita untuk menentukan sama ada makanan tersebut sudah mula turun mutu. Tindakan mengurangkan pembaziran makanan bukan sahaja penting untuk planet, malah tindakan ini juga boleh mengurangkan pelepasan gas rumah hijau (GHG).
- Penutup yang telah disahkan oleh ISCC PLUS dan resin berasaskan biologi atau dikitar semula telah digunakan. ISCC PLUS merupakan program pensijilan kemapanan untuk bahan mentah berasaskan biologi dan lingkaran (dikitar semula).
- Selain itu, UNITED CAPS juga akan menunjukkan pelbagai teknik pengurangan berat di pameran tersebut, terdiri daripada teknik yang mendayakan penyelesaian leher lebih kecil sehingga teknik pengurangan plastik MuCell.

Pameran Interpack dijadualkan akan berlangsung dari 4 hingga 10 Mei di Düsseldorf. UNITED CAPS akan ditempatkan di Dewan 10, Gerai D67 di pameran itu. Pengunjung yang melawat gerai tersebut akan mempunyai banyak peluang untuk mengetahui lebih lanjut tentang dedikasi UNITED CAPS untuk membawa pembungkusan yang lebih mampan, selamat dan inovatif ke pasaran serta menyebarkan cogan kata BERSATU KITA TEGUH.

Untuk menjadualkan pertemuan satu ke satu dengan pakar UNITED CAPS semasa pameran, sila hubungi Monika.d@duomedia.com

Untuk maklumat lanjut tentang produk dan perkhidmatan daripada UNITED CAPS, sila lawati www.unitedcaps.com.

Imej dan kapsyen



Kapsyen1: Tapak UNITED CAPS ini berpusat di Dinnington, kini beroperasi 100% dengan tenaga elektrik Hijau yang dijana oleh kuasa angin.



Kapsyen 2: Di UNITED CAPS, kami akan terus mengurangkan jejak karbon kami menerusi kedua-dua aktiviti Skop 1 dan Skop 2, termasuk operasi kami dan produk yang kami hasilkan.



Kapsyen 3: UNITED CAPS telah membangunkan pelbagai penutup berikat dan mematuhi arahan EU terhadap Penggunaan Plastik Sekali Guna, serta penutup berikat unik untuk karton.

PERIHAL UNITED CAPS

UNITED CAPS ialah rujukan industri global untuk reka bentuk dan penghasilan penutup plastik berprestasi tinggi. Kemampuan inovatif dan portfolio yang luas bagi standard dan penyelesaian yang maju menjadikan UNITED CAPS sebagai rakan kongsi yang disukai oleh syarikat utama dunia. Kami menyokong rantai nilai pelanggan kami dengan melindungi integriti produk, memastikan keselamatan dan kesihatan pengguna dan terutamanya melindungi reputasi jenama. Sebagai kumpulan yang sangat dinamik dan berasaskan keluarga yang fleksibel, UNITED CAPS menawarkan penyelesaian hujung ke hujung yang termasuk keupayaan membuat acuan untuk memberikan perkhidmatan kepada pelbagai aplikasi dan pasaran di seluruh dunia. Syarikat tersebut beribu pejabat di Luxembourg dan memiliki kemudahan pembuatan di Belgium, Perancis, Jerman, Hungary, Ireland, Luxembourg, Malaysia, Sepanyol dan United Kingdom. Dengan kira-kira 750 orang pekerja, pusing ganti UNITED CAPS berjumlah sebanyak 186 juta Euro (setakat akhir 2022) dengan 11 bilion penutup dihasilkan.

www.unitedcaps.com



BUTIRAN HUBUNGAN AKHBAR

Monika Dürr

duomedia

monika.d@duomedia.com

+49 (0)6104 944895